

16 DEC 1997

Sidang-Asean

KEYAKINAN CHINA, JEPUN SATU GALAKAN KEPADA ASEAN

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- China dan Jepun menyatakan keyakinan mereka terhadap asas-asas ekonomi Asean di tengah-tengah krisis kewangan yang melanda rantau ini, dengan Tokyo hari ini mengumumkan penurunan kadar faedah pinjaman yen bagi menggalakkan reformasi struktur ekonomi di rantau ini.

Presiden China Jiang Zemin dan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto juga mengakui keperluan melaksanakan segera Rangka Kerja Manila yang dipersetujui di ibu negara Filipina itu bulan lepas bagi memulihkan keadaan kewangan di rantau ini dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memainkan peranan utama.

Jiang, Hashimoto dan Perdana Menteri Korea Selatan Koh Kun menemui pemimpin-pemimpin Asean dalam mesyuarat dua hala berasingan di sini hari ini dan menyatakan keyakinan mereka bahawa Asia Tenggara akan kekal menjadi rantau yang dinamik walaupun sedang menghadapi masalah mata wang.

Bercakap pada persidangan berita bagi menggulung sidang kemuncak tiga hari pemimpin-pemimpin Asean dan Asia Timur di sini hari ini, pengerusi sidang kemuncak itu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semasa mesyuarat itu, Jepun diminta menjalankan usaha khas bagi menangani ketidakseimbangan perdagangannya dengan negara-negara Asean.

Defisit perdagangan Asean dengan Jepun berjumlah AS\$30.2 bilion tahun lepas.

"Kos pinjaman yen juga dibincangkan. Asean meminta supaya Jepun membuat usaha khas untuk menggesa IMF mempercepatkan kajian perdagangan mata wang bagi menahan kemerosotan mata wang di negara-negara berkenaan," kata beliau.

Mesyuarat dua hala itu menyusuli sidang kemuncak Asia Timur, yang dikenali sebagai Sidang Kemuncak Asean campur 3, semalam di antara Asean dan ketiga-tiga negara itu.

Asean dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina Singapura, Thailand dan Vietnam.

Hashimoto juga mengumumkan penubuhan kemudahan kredit perdagangan insurans bernilai AS\$18 bilion bagi membangunkan infrastruktur sebagai sebahagian daripada sokongan terhadap reformasi struktur ekonomi Asean.

Jepun akan mengurangkan kadar faedah standard Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) sebanyak 0.5 peratus dan memberikan "kadar konsesi" bagi projek-projek pembangunan sumber manusia, syarikat-syarikat kecil dan sederhana dan projek infrastruktur merentasi sempadan.

Jepun juga menawarkan latihan kepada 20,000 warganegara Asean bagi tempoh lima tahun untuk menggalakkan pembangunan sumber manusia dalam pakej reformasi yang terkandung dalam kenyataan bertajuk "Kerjasama Jepun-Asean ke arah Abad ke-21 - Tiga Inisiatif Perdana Menteri Hashimoto".

Jiang juga memberi jaminan kepada para pemimpin Asean bahawa China tidak akan menurunkan nilai mata wangnya, Yuan, sebagai langkah mengatasi masalah mata wang.

Jurucakap Kementerian Luar China Shen Guofang berkata walaupun negara itu sangat bimbang dengan krisis mata wang, ia tidak akan memilih langkah menurunkan nilai mata wangnya tetapi "akan mengambil langkah lain demi kepentingan kestabilan mata wang lain di rantau ini."

"Presiden Jiang telah memberitahu pemimpin-pemimpin Asean bahawa China juga akan mengambil langkah lain untuk meningkatkan daya saing eksportnya ke rantau ini serta menarik pelaburan asing ke China.

"Langkah ini akan menjadi usaha positif bagi kestabilan pasaran kewangan di Asia Timur," kata Shen.

China dan Jepun juga bersetuju untuk mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan Asean, dengan menangani isu akses pasaran dan pemindahan teknologi pada mesyuarat dua hala berasingan di sini hari ini.

Jiang dan Hashimoto juga membayangkan bahawa mereka mahu memperluaskan dialog-dialog dengan para pemimpin Asean.

Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear (SEANWFZ) yang diilhamkan oleh Asean turut mendapat sokongan ketiga-tiga negara itu yang menyambut baik perundingan untuk meminta kuasa-kuasa nuklear menyetujui protokol SEANWFZ itu.

China dan Asean juga bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian di Laut Cina Selatan secara aman dan tidak membiarkan perbezaan sedia ada menjejaskan hubungan dan kerjasama mereka. -- BERNAMA

TM NAK